

09 OCT 20000  
DHL-MALAYSIA  
DHL BINA PUSAT IT AS\$10 JUTA DI CYBERJAYA

SINGAPURA, 9 Okt (Bernama) -- DHL Worldwide Express akan menubuhkan pusat teknologi maklumat (IT) bernilai AS\$10 juta di Koridor Raya Multimedia Malaysia (MSC).

Pusat yang dibina di Cyberjaya itu akan berfungsi sebagai satu daripada tiga pusat nadi IT di rangkaian global DHL bersama dengan London dan San Francisco, kata DHL dalam satu kenyataan.

Bangunan empat tingkat dengan ruang 100,000 kaki persegi itu akan siap pada September tahun depan dan menggantikan kemudahan DHL ketika ini di Puchong.

Kemudahan baru itu akan menempatkan pusat data, pusat latihan dan kemudahan pembangunan perisian.

DHL menyatakan ia telah memberi kuasa kepada Quill Property Group Sdn Bhd untuk mereka bentuk dan membina pusat tersebut.

Perjanjian bina dan sewa itu dimeterai di London pada 5 Okt dengan disaksikan oleh Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"DHL adalah satu daripada syarikat multinasional utama pertama yang memberikan sokongan kepada konsep MSC ketika kami menubuhkan kemudahan kami sekarang di Puchong tiga tahun lalu.

"Perkembangan baru ini mencerminkan komitmen berterusan kami kepada Malaysia sebagai satu daripada tiga pusat bagi kegiatan Perkhidmatan Maklumat Global DHL," kata ketua pegawai maklumat kumpulan DHL Chris Howard.

Timbalan Howard, Stephen McGuckin, perancang utama dalam penubuhan pusat di Puchong berkata sejak tiga tahun lalu, DHL telah berjaya mewujudkan tenaga pekerja yang komited dan berkemampuan di sana dan 70 peratus daripada kakitangan adalah rakyat Malaysia.

"Ketika kami meningkatkan lagi kemampuan IT kami untuk menyediakan kepada keperluan pelanggan yang lebih canggih, keputusan untuk memindahkan kemudahan kami di MSC adalah bertepatan dengan masa," katanya. -- BERNAMA

TCL SD ZK OS